

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [PASIR MAS]

TARIKH : 19.11.2015

SOALAN :

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar Ijazah Sarjana dan PhD yang dilahirkan melalui program MyBrain yang dilancarkan pada RMK-10 yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program MyBrain15 merupakan satu program pembiayaan pengajian di peringkat pasca ijazah bertujuan untuk mewujudkan kelompok sumber manusia yang berpengetahuan tinggi sebagai pemangkin kepada penyelidikan, pembangunan dan inovasi. Pelaksanaan program ini akan dapat membangunkan *first world talent base* yang akan menjadi salah satu inisiatif untuk memacu Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi. Program-program yang dilaksanakan menerusi Program MyBrain15 adalah MyMaster, MyPhD dan MyPhD Industri. Program MyBrain15 ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang memenuhi syarat yang telah ditetapkan.

Dari segi pencapaian semenjak tahun 2011 sehingga 30 September 2015, sebanyak 50,772 penawaran telah disediakan di bawah Program MyBrain15 dengan jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan ialah

RM652,766,680.13. Jumlah penawaran tersebut adalah melebihi sasaran yang ditetapkan sebanyak 45,500 penawaran.